

11 JUN 1996
Law - Majlis

KERAJAAN KAJI CADANGAN TUBUH MAJLIS KEBANGSAAN PEMBANGUNAN MAMPAN

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji cadangan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi alam sekitar supaya ditubuhkan Majlis Kebangsaan Pembangunan Mampam.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini berkata pada mulanya kerajaan berpendapat Majlis Kebangsaan Pembangunan yang sedia ada sudah mencukupi untuk menangani tanggungjawab pembangunan mampam negara.

Bagaimanapun, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi alam sekitar bimbang Majlis Kebangsaan Pembangunan akan menumpukan lebih perhatian kepada pembangunan dan mengabaikan aspek alam sekitar dalam usaha menggalakkan pembangunan mampam negara.

Ini merupakan satu daripada topik penting yang dibincangkan pada dialog tiga jam antara kementerian dan 24 wakil daripada 16 pertubuhan bukan kerajaan, di kementerian, di sini.

Penasihat Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (EPSM) Gurmit Singh berkata majlis yang dicadangkan itu perlu mempunyai wakil daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, pegawai kanan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Gurmit berkata ini akan membolehkan penyertaan daripada pelbagai kumpulan memandangkan Majlis Kebangsaan Pembangunan yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai keanggotaan menteri-menteri Kabinet sahaja.

Majlis Kebangsaan Pembangunan Mampam merupakan rangka kerja institusi penting untuk melaksanakan Agnda 21 dalam mengimbangi alam sekitar dan pembangunan.

Law juga memaklumkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan itu mengenai rancangan menubuhkan jawatankuasa antara negeri/agensi untuk meninjau pembangunan tanah tinggi di negara ini di bawah Majlis Tanah Kebangsaan.

Beliau berkata kerajaan mungkin tidak menubuhkan majlis berasingan untuk menguruskan pembangunan tanah tinggi kerana ia boleh diserapkan di bawah majlis tanah.

Derag Dasar Alam Sekitar Kebangsaan juga kini di peringkat akhir dan akan dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi, kata Law. -- BERNAMA

JM NAK